

## **DASAR PENGURUSAN BANDAR OLEH MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU (MPKB) DARI TAHUN 1990 HINGGA 1998: SATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF METODOLOGI HUKUM**

*Oleh:*

*Mohd Ramizu bin Abdullah\**

### **Abstrak**

*Selaras dengan motto "Membangun Bersama Islam", Kerajaan Negeri Kelantan melalui MPKB berusaha menerapkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang berteraskan syariat Islam. Justeru itu kita akan dapati beberapa penguatkuasaan pentadbiran dan pengurusan yang dijalankan di sekitar bandar Kota Bharu oleh MPKB telah menggunakan beberapa doktrin hukum Islam, terutamanya *Sadd al-Dhara'i* yang menjadi fokus utama perbincangan artikel ini.*

### **Pengenalan**

Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) merupakan salah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kota Bharu yang terdapat di negeri Kelantan dan boleh bertindak mengikut kuasa-kuasa yang telah diperuntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 Perlembagaan Persekutuan.

Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan kuasa am bagi sesebuah kerajaan tempatan membuat atau meminda serta membatalkan undang-undang kecil dari semasa ke semasa mengenai segala perkara

---

\* Pensyarah di Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri.

yang perlu atau diingini untuk memelihara kesihatan, keselamatan dan kesentosaan penduduk-penduduk atau untuk mengadakan aturan dan pengelolaan yang baik bagi kawasan pentadbirannya.<sup>1</sup>

Berasaskan bidang kuasa tersebut, MPKB telah mengambil beberapa keputusan bagi mengubah segala dasar dan perlaksanaan agar sesuai dengan kehendak kerajaan negeri dalam rangka usaha untuk merealisasikan cita-cita Islam di dalam pentadbiran. Sebagai contohnya, beberapa syarat atau peraturan kecil telah digubal oleh MPKB khususnya berkaitan dengan perlesenan bagi sesebuah premis yang diusahakan di sekitar bandar Kota Bharu.

Langkah ini adalah berdasarkan kepada peruntukan Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Kota Bharu) 1989 yang menyebut bahawa<sup>2</sup>:

“Majlis boleh mengenakan had-had, syarat-syarat dan sekatan-sekatan ke atas sesuatu lesen sebagaimana yang difikirkan perlu.”

### **Dasar Islam Dalam Pengurusan Bandar**

Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) telah merubah beberapa dasar dan mengubal peraturan-peraturan kecil di bawah bidang kuasa yang termaktub di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976. Antara perkara yang telah diputuskan oleh MPKB, yang melibatkan pemakaian *Sadd al-Dhara'i* sebagai asas atau kaedah penentuan ialah:

1. Menamatkan lesen operasi premis kedai Toto dan 4 Nombor Ekor.
2. Membekukan lesen kedai Unisex Salon.

3. Menamatkan lesen permainan video dan snooker.
4. Menghadkan bilangan premis arak.
5. Menguatkuasakan penutupan aurat.
6. Menangguh perniagaan di pasaraya ketika solat Jumaat.
7. Mengasingkan kaunter bayaran lelaki dan wanita.

Keputusan-keputusan di atas akan dianalisis sejauhmana ia menepati kriteria-kriteria yang menepati perspektif metodologi hukum, seperti berikut:

**1. Menamatkan lesen operasi premis Kedai Toto dan 4 Nombor Ekor.**

Pihak Jawatankuasa Perlesenan dan Perniaga-Perniaga Kecil MPKB yang bersidang pada 29 November 1990 telah memutuskan agar tidak memperbaharui lesen premis Kedai Toto dan 4 Nombor Ekor mulai 1 Januari 1991<sup>3</sup>. Sebelum peraturan ini digubal, pihak MPKB telah mengeluarkan sebanyak 18 lesen Kedai Toto dan 2 lesen Kedai 4 Nombor Ekor. Setelah peraturan baru dikuatkuasakan maka tidak ada lagi pembaharuan lesen premis judi dikeluarkan dalam kawasan operasi MPKB. Ia turut dikuatkuasakan di seluruh negeri Kelantan.<sup>4</sup>

Berjudi merupakan suatu perbuatan haram di sisi Islam. Islam melarang keras umatnya daripada terjebak dalam perjudian<sup>5</sup>, kerana ia merupakan usaha syaitan untuk menyesatkan umat manusia keseluruhannya. Ia juga merupakan punca kebanyakan penyakit sosial<sup>6</sup> seperti pecah amanah, pembunuhan, pergaduhan, perbalahan dan sebagainya. Tanpa keputusan perberhentian lesen premis judi ini, kemungkinan kedai-kedai judi akan bertambah dari semasa ke semasa. Pada masa tersebut mungkin sukar bagi kerajaan membendung dan menyekat kaki judi khususnya orang Islam yang cetek agama serta jahil dari terus terjebak dengan perjudian. Tambahan pula sukar bagi manusia mengawal tuntutan hawa nafsu tanpa sekatan undang-undang.

Kerajaan negeri sepatutnya mengharamkan permainan judi, bukan hanya menutup premis yang sah sahaja. Pihak kerajaan negeri mendakwa bahawa mereka tidak boleh bertindak sedemikian kerana ia bukan bidang kuasa kerajaan negeri<sup>7</sup>.

Justeru itu, usaha menyekat segala keburukan hasil dari permainan perjudian seharusnya melibatkan semua aspek. Lagipun, apabila Islam mengharamkan sesuatu perkara, sudah tentu punca atau jalan yang boleh membawa kepada perkara haram tersebut turut sama diharamkan<sup>8</sup>. Dalam konteks ini, apa-apa sahaja yang boleh mewujudkan perbuatan judi seperti membenarkannya melalui premis-premis yang sah mengikut hukum secara nasnya adalah haram.

Kesimpulannya, langkah menutup lesen premis judi ini adalah berdasarkan nas *qat'i* iaitu dari al-Qur'an sendiri. Sekalipun langkah itu sebagai menutup pintu yang mungkin boleh membawa kepada keburukan yang lebih besar<sup>10</sup>, namun ia hanyalah sebahagian daripada usaha mengharamkan sesuatu yang telah diharamkan oleh Allah. Kriteria ini terkeluar dari konsep sebenar pemakaian doktrin *Sadd al-Dhara'i* itu sendiri kerana pengharaman judi adalah larangan yang disebut secara jelas melalui nas al-Qur'an.

## 2. Membekukan Lesen Kedai Unisex Salon

Mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan dan Peniaga-Peniaga MPKB yang bersidang pada 23 Julai 1995 telah memutuskan permohonan lesen kedai gunting rambut wanita dibekukan sehingga kajian keperluan kedai gunting tersebut untuk jangka panjang selesai.<sup>11</sup>

Keputusan ini telah disahkan oleh Persidangan Penuh MPKB pada 31 Julai 1995. Keputusan ini dibuat kerana didapati sesetengah premis sering melanggar syarat-syarat kelulusan MPK terutama kedai gunting wanita di pusat bandar<sup>12</sup>.

Antara syarat lain yang diputuskan ialah para pengusaha kedai gunting dilarang menyediakan minuman keras sama ada secara percuma atau dijual dan bilangan kerusi tidak melebihi sekali ganda dari keperluan pelanggan. Selain itu, keputusan lain yang telah diambil ialah semua pengusaha kedai gunting dan kedai kerinting rambut diarahkan supaya mengasingkan kedai lelaki dan perempuan.

Kedai-kedai gunting rambut atau 'Unisex Salon' menyediakan pekerja-pekerja wanita sebagai satu tarikan kepada pelanggannya. Secara tidak langsung situasi ini boleh melahirkan satu gaya hidup atau *life style* yang mementingkan keseronokan seperti mengambil kesempatan merasai belaian lembut dari tangan seorang wanita. Keadaan ini kemungkinan boleh membawa kepada kegiatan maksiat seperti pergaulan bebas yang boleh membawa kepada gejala pelacuran dan sebagainya.

Justeru itu, keputusan yang telah diambil seperti bilangan kerusi tidak melebihi keperluan, pengharaman menyediakan minuman keras, pengasingan kedai gunting untuk lelaki dan perempuan, pembekuan lesen kedai gunting wanita<sup>13</sup> dan sebagainya itu, berasaskan pemakaian doktrin *Sadd al-Dhara'i* bagi menutup segala pintu maksiat seperti dikatakan tadi. Suasana tersebut boleh membuka peluang berlakunya maksiat. Oleh itu program ini dikira memenuhi syarat pemakaian doktrin *Sadd al-Dhara'i*.

### 3. Menamatkan lesen permainan video dan snooker

Mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan dan Peniaga-peniaga Kecil MPKB yang bersidang pada 28 September 1992 telah memutuskan supaya semua jenis lesen permainan video dan snooker/billiard tidak diperbaharui mulai 1 Januari 1993. Keputusan ini selaras dengan keputusan yang dicapai oleh Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,

edai  
cara  
dari  
alah  
ikan  
  
akan  
nya.  
idup  
ambil  
nita.  
ksiat  
uran

erusi  
eras,  
kuan  
aian  
perti  
unya  
ktrin

Kecil  
skan  
tidak  
ngan  
atan,

Perumahan dan Alam Sekitar pada 22 Jun 1992<sup>14</sup>. Jawatankuasa ini juga memutuskan supaya semua permohonan baru lesen permainan video dan snooker dibekukan.

Pengharaman permit pusat-pusat hiburan ini adalah bagi mengelak ia dijadikan sarang maksiat seperti perjudian, tumpuan para pelajar ponteng sekolah, percampuran bebas lelaki dan perempuan, pembaziran wang ringgit, penyediaan minuman keras dan sebagainya.<sup>15</sup>

Secara teori mana-mana perkara sama ada perbuatan atau percakapan yang harus pada asalnya, tetapi kemungkinan besar akan menimbulkan kemudaratan adalah termasuk dalam asas pembinaan doktrin *Sadd al-Dhara'i*. Atas asas ini, pengaruh permainan video, snooker dan seumpamanya mungkin lebih mendatangkan keburukan daripada kebaikan.

Antara kebaikan yang mungkin diperolehi daripada permainan video, snooker dan sebagainya ini ialah keseronokan, mengisi masa-masa lapang, menenangkan fikiran setelah penat bekerja atau belajar, peluang berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan bertukar-tukar pandangan serta pengalaman. Secara tidak langsung ia boleh mematangkan diri seseorang kerana pergaulan mereka yang meluas yang tidak hanya tertumpu di tempat-tempat kerja atau sekolah semata-mata.

Faktor yang menyumbang kepada gejala keruntuhan akhlak khususnya di kalangan remaja kini antara lain dikatakan berpunca daripada hiburan. Walaubagaimana Islam tidak melarang umatnya dari bergembira dan berseronok selagi mana hiburan dan nyanyian itu tidak bercanggah dengan kehendak Islam<sup>16</sup>. Ini berdasarkan kepada kaedah kembali kepada hukum asal iaitu segala sesuatu itu harus'

(*al-Asl li al-Asyya' al-lbahah*), sehinggalah wujud unsur-unsur maksiat yang mengubah hukumannya menjadi haram<sup>17</sup>.

Dalam realiti masa kini, wujudnya keburukan di tempat-tempat hiburan seperti ini adalah lebih dominan berbanding dengan kebaikan. Oleh sebab itu, keputusan pengharaman ini diambil kerana tempat tersebut telah dikenalpasti menjadi sarang maksiat seperti kegiatan perjudian, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan tumpuan pelajar yang ponteng sekolah<sup>18</sup>.

Penelitian dan pertimbangan di antara kebaikan dan keburukan yang lahir dari pusat-pusat hiburan ini, maka diputuskan bahawa ianya hendaklah ditutup kerana lebih mendatangkan keburukan. Ini kerana pusat-pusat ini menjadi tumpuan kaki judi, kongsi gelap serta kegiatan yang tidak sihat seperti dadah dan seumpamanya. Realiti ini mungkin memberi kesan negatif kepada para pengunjung yang lain khususnya di kalangan para pelajar sekolah yang turut berkunjung di pusat-pusat permainan tersebut. Sekurang-kurangnya mungkin boleh melalaikan mereka daripada pelajaran<sup>19</sup>.

Dalam pemakaian doktrin ini terdapat sesuatu perkara itu, Imam al-Syatibi berpendapat bahawa hendaklah dibuat pertimbangan antara kebaikan atau keburukan, yang mana lebih dominan. Sekiranya keburukan lebih menonjol dan dominan dari aspek kebaikan, maka ia termasuk dalam salah satu kategori pemakaian *Sadd al-Dhara'i*<sup>20</sup>. Justeru itu, keputusan menamatkan lesen permainan video dan snooker ini bertepatan dengan asas pemakaian doktrin ini.

#### 4. Menghadkan bilangan Premis Arak

Pihak Jawatankuasa Perlesenan juga telah membuat keputusan menghadkan bilangan premis atau kedai-kedai menjual arak<sup>21</sup> serentak

dengan pengharaman premis judi<sup>22</sup>. Pihak MPKB juga mengambil keputusan tidak memperbaharui lesen perniagaan arak yang telah tamat tempohnya.

Di samping itu juga MPKB memastikan agar arak tidak dijual secara terbuka, termasuklah di hotel-hotel, restoran-restoran dan kedai-kedai makan. Manakala setiap kedai yang menjual minuman keras ini tidak dibenarkan menjual barang-barang atau makanan lain di kedai atau premis mereka<sup>23</sup>. Keputusan ini telah dijadikan sebagai syarat atau peraturan kecil bagi mendapatkan sesuatu lesen perniagaan.

Menurut Islam, pengharaman arak adalah sama dengan pengharaman judi kerana kedua-duanya diletakkan secara beriringan dalam nas yang qat'i iaitu daripada al-Qur'an, sebagaimana bermaksud:

"Wahai orang beriman bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan syaitan."

Al-Ma'idah (5): 90

Di dalam satu hadith, Rasulullah (s.a.w) pernah menyatakan bahawa laknat tidak hanya dikenakan ke atas orang yang meminum arak sahaja bahkan juga kepada semua orang yang mana kerja mereka ada hubung kait dengan arak sekalipun ia bekerja sebagai tukang sampah di premis jualan arak<sup>24</sup>.

Lantaran itu pengharaman arak sama ada dari sudut meminumnya, menjual atau memandu kenderaan untuk tujuan menjualnya adalah berasaskan nas al-Qur'an secara jelas. Walau bagaimanapun, minuman keras ini diperlukan oleh sebahagian daripada orang bukan Islam.

Mengikut pandangan sebahagian fuqaha', arak bukan sahaja dianggap harta yang boleh dimiliki oleh orang bukan Islam, tetapi dianggap sesuatu yang bernilai dan berharga (mutaqawim) bagi mereka. Justeru, sesiapa yang mengganggu, merosak atau memusnahkannya akan dikenakan bayaran ganti rugi<sup>25</sup>.

Sikap membiarkan pembukaan premis arak secara meluas di banyak tempat mungkin akan menimbulkan gejala ketagihan arak di kalangan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama atau keturunan<sup>26</sup>.

Kerajaan negeri, pada hemat penulis tidak mengemukakan dasar yang jelas dalam usaha mengawal dan menghadkan jualan arak. Walaubagaimanapun, bagi penulis keputusan ini bertujuan agar arak dijual mengikut keperluan supaya ia tidak terlalu mudah untuk diperolehi.

Persatuan pengguna Pulau Pinang dalam satu artikel<sup>27</sup>, pernah mengemukakan satu fenomena bahaya akibat ketagihan arak yang tidak cuba dibendung secara serius oleh pihak kerajaan pusat khususnya melalui penguatkuasaan menghadkan jualan arak, meningkatkan kadar denda bagi kesalahan memandu ketika mabuk dan sebagainya. Mereka mencadangkan agar kerajaan menghadkan jualan dan menguatkuasakan undang-undang berhubung penjualan alkohol bagi mengatasi masalah ketagihan masyarakat terhadap minuman ini.

Bagi pihak orang Islam, arak adalah haram sama ada untuk diminum, dijual, dikilangkan dan sebagainya. Maknanya sebarang langkah menyekat masyarakat Islam dari terjebak dengan arak adalah suatu tuntutan secara jelas mengikut nas al-Qur'an. Tetapi sebaliknya, bagi pihak bukan Islam arak itu adalah harus dan tidak mungkin dapat diharamkan secara total. Namun keharusannya tidaklah bermakna arak itu boleh dijual secara terbuka kerana ia mungkin mengundang

igap  
uatu  
iapa  
akan

is di  
ak di  
an<sup>26</sup>.

akan  
ialan  
agar  
intuk

ernah  
tidak  
snya  
kadar  
ereka  
akan  
salah

untuk  
arang  
dalah  
knya,  
dapat  
makna  
ndang

keburukan yang besar kepada masyarakat umum terutama orang Islam seperti gejala ketagih seperti yang dikatakan di atas.

Berdasarkan pertimbangan di atas, penulis berpendapat bahawa pemakaian *Sadd al-Dhara'i* lebih menonjol dalam hal ini berbanding kaedah *al-Masalih al-Mursalah*<sup>28</sup> walaupun ciri-cirinya ada iaitu menjaga kemaslahatan orang ramai termasuk orang Islam agar tidak terlibat dengan arak. Ini kerana *al-Masalih al-Mursalah* lebih dekat kepada program pembangunan, dan bukannya berbentuk sekatan. Jadi, keputusan menghadkan bilangan premis arak itu adalah diasaskan kepada doktrin *Sadd al-Dhara'i*.

### 5. Menguatkuasakan penutupan aurat

Pihak MPKB telah membuat keputusan mengarahkan semua syarikat, premis perniagaan dan pejabat kerajaan agar mewajibkan para pekerja wanita Islam berpakaian menutup aurat. Manakala bagi wanita bukan Islam pula dikehendaki memakai pakaian yang bersopan<sup>29</sup>.

Keputusan ini telah dijadikan syarat kelulusan bagi setiap lesen perniagaan sebelum ia dikeluarkan oleh pihak Jawatankuasa Perlesenan dan Peniaga-Peniaga Kecil MPKB<sup>31</sup>. Serentak dengan itu, pihak MPKB turut bersetuju mengambil keputusan menghapuskan iklan-iklan yang mengeksplorasi wanita dan gambar-gambar yang menjolok mata<sup>31</sup>.

Bagi menganalisis keputusan di atas, pandangan Islam terhadap kedudukan dan kemuliaan yang diberikan kepada manusia sama ada lelaki atau perempuan hendaklah diambil kira. Ini kerana Islam merupakan agama yang memberi kesejahteraan hidup kepada manusia dengan menggariskan beberapa peraturan supaya kemuliaan yang dikurniakan itu tidak dinodai oleh hawa nafsu.

Di antara peraturan yang telah digariskan oleh Islam untuk menjaga kemulian tersebut khususnya kepada wanita ialah cara berpakaian. Kebanyakan ulamak berpendapat aurat wanita adalah seluruh tubuh badan kecuali dua tapak tangan dan muka sahaja. Manakala bagi lelaki pula, aurat mereka antara pusat dan lutut.<sup>32</sup>

Menutup aurat bagi wanita sebenarnya telah dinaskan oleh Allah (s.w.t) di dalam al-Quran, yang bermaksud :

“Wahai Nabi katakanlah kepada isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin hendaklah mereka melabuhkan pakaianya ke seluruh tubuh mereka yang demikian itu supaya mereka lebih mudah dikenali sehingga tidak diganggu Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Penyayang “

Al-Ahzab (33): 59

Berdasarkan ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa wanita Islam wajib menutup aurat mereka demi menjaga kehormatan dan kesucian diri mereka sendiri. Sekiranya masyarakat dibiarkan menentukan perjalanan hidup mereka tanpa sebarang panduan dan peraturan, mereka mungkin akan terpesong dari landasan agama. Fesyen atau bentuk pakaian yang dipamerkan sekarang ini ada yang menyalahi peraturan agama dan seolah-olah mengajak masyarakat wanita agar lebih menampakkan tubuh badan atau aurat tanpa mengambil kira batasan agama.

Walau apa pun andaian yang dibuat, menutup aurat adalah tuntutan agama secara jelas sebagaimana yang termaktub dalam ayat al-Qur'an di atas. Jelasnya, keputusan menguatkuasakan penutupan aurat yang dilakukan oleh MPKB adalah lebih kepada melatih atau mendidik masyarakat dengan tuntutan agama, di samping mengelak dari sebarang gejala kerosakan dalam kehidupan masyarakat. Dari

intuk  
cara  
ialah  
haja.

Allah

Islam  
an diri  
lanan  
ngkin  
kaian  
gama  
akkan

dalah  
n ayat  
tupan  
atau  
gelak  
Dari

aspek di atas, pemakaian doktrin *Sadd al-Dhara'i* dalam perkara ini tidak berapa tepat untuk dikaitkan kerana perbuatan menutup aurat adalah merupakan tuntutan yang telah dijelaskan di dalam al-Quran.

Ini termasuk juga keputusan menghapuskan iklan yang mengeksplotasikan tubuh-tubuh wanita. Seringkali dalam iklan-iklan tempatan kaum wanita dipamerkan sebagai alat seks, tidak berguna dan sering menggoda, bodoh, sering menghendaki kepuasan dari lelaki dan hanya sesuai berada di rumah atau di dapur sahaja<sup>33</sup>. Dunia seolah-olahnya lebih mementingkan kormesial sehingga sanggup menggadai maruah dan harga diri. Wanita ternyata menjadi alat sebagai daya penarik kepada sesuatu produk yang dipromosikan. Dengan ini, secara tidak langsung iklan tersebut boleh membawa unsur-unsur keruntuhan akhlak.

Keputusan menghapuskan iklan yang mengeksplotasikan wanita adalah sebahagian daripada tuntutan agama secara jelas dalam al-Quran. Ini kerana Islam meletakkan wanita sama taraf dengan lelaki dari sudut kejadian dan tujuannya di sisi Allah<sup>34</sup>, cuma mungkin dari sudut beberapa hukum yang berbeza. Misalnya tanggungjawab mencari nafkah diwajibkan ke atas suami kerana lelaki dianggap sebagai ketua keluarga.

Ringkasnya, pendedahan aurat, perngeksplotasian wanita dan sebagainya adalah diharamkan oleh Islam. Justeru keputusan untuk menghapuskan kegiatan tersebut adalah merupakan tuntutan Islam berdasarkan kepada nas yang jelas. Dengan perkataan lain, pemakaian doktrin *Sadd al-Dhara'i* tidak boleh dikaitkan di sini kerana tidak memenuhi syarat dan asas pembinaannya. Tambahan pula sudah ada nas yang telah menjelaskan hal ini.

## 6. Menangguh perniagaan di pasaraya ketika solat Jumaat

Mesyuarat penuh MPKB yang bersidang pada 29 April 1999 telah bersetuju menggubal suatu peraturan iaitu menghentikan perniagaan selama 2 jam pada hari Jumaat di pasaraya-pasaraya bagi membolehkan pekerja Islam menunaikan solat Jumaat/Zohor dan makan tengahari. Keputusan ini telah dijadikan salah satu syarat yang perlu dipatuhi oleh semua pemegang lesen premis perniagaan pasaraya sahaja yang berada di sekitar Bandar Kota Bharu<sup>35</sup>.

Kegiatan perniagaan harus dijalankan pada bila-bila masa selagi mana tidak bertentangan dengan kehendak agama. Ia dianggap ibadat sekiranya dilakukan secara ikhlas untuk memperolehi rezeki yang halal dan tidak melampaui batas yang telah ditetapkan oleh syarak<sup>36</sup> seperti mengabaikan ibadat-ibadat wajib. Sebagai contohnya, dalam perkara yang berkaitan dengan sembahyang, Allah (swt) telah berfirman, maksudnya:

“Maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang. (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya”

Al-Ma'un (107): 3-4

Justeru itu pengabaian kewajipan sembahyang adalah ditegah oleh syarak melalui nas-nas yang jelas sama ada daripada al-Quran atau al-Hadith. Tetapi dalam kontek dunia hari ini, masyarakat saling berlumba-lumba untuk mengejar habuan dunia sehingga lupa untung nasib mereka di akhirat. Realiti ini menjadi punca kenapa umat Islam mendapat kehinaan di dunia. Nabi sendiri pernah bersabda dengan maksudnya:

“Kehinaan itu bukan disebabkan bilangan kamu sedikit tetapi kamu mempunyai sikap cintakan dunia dan benci kepada mati”<sup>37</sup>

t  
telah  
agaan  
ehkan  
ahari.  
batuhi  
i yang

selagi  
ibadat  
g halal  
seperti  
erkara  
irman,

litegah  
-Quran  
saling  
untung  
t Islam  
dengan

t  
i

Tanpa langkah menangguhkan operasi perniagaan di pasaraya sewaktu solat Jumaat, pengusaha-pengusaha pasaraya mungkin memaksa pekerja-pekerja Islam agar meneruskan kerja mereka seperti biasa dengan tidak menghiraukan seruan azan yang sedang berkumandang. Kemungkinan mereka memberi alasan *shift* atau giliran wajib yang ketat dan terpaksa diikuti oleh semua pekerja.

Sekiranya keadaan ini berterusan, berkemungkinan besar mereka yang terlibat akan memandang rendah terhadap tanggungjawab agama. Mungkin juga sampai ke peringkat terus mengabaikan perintah agama kerana sibuk dengan tugas atau keliru antara giliran (*shift*) bekerja dengan ibadat solat.

Justeru itu, keputusan menangguh perniagaan sewaktu solat Jumaat, adalah memenuhi kriteria yang diperlukan dalam pemakaian *Sadd al-Dhara'i*. Hal ini dilihat dari aspek sekiranya diteruskan juga sesuatu perniagaan mengikut *shift* atau giliran tadi besar kemungkinan akan timbulnya gejala berlengah-lengah terhadap kewajipan ibadat sembahyang khususnya Jumaat. Sedangkan dalam Islam, Jumaat hanyalah datang sekali sahaja dalam seminggu. Hakikat ini memungkinkan timbulnya kesan negatif yang mendalam kepada masyarakat sebagaimana yang dijelaskan di atas.

## 7. Mengasingkan kaunter bayaran lelaki dan wanita

MPKB mengambil keputusan mengarahkan pihak pasaraya agar menyediakan kaunter pembayaran yang berasingan antara lelaki dan perempuan yang mula berkuatkuasa pada 15 Januari 1996<sup>38</sup>. Pekerja lelaki diwajibkan berada di bahagian kaunter bayaran lelaki, manakala pekerja wanita berada di kaunter perempuan. Arahan ini dikenakan kepada para pengusaha pasaraya supaya sentiasa prihatin terhadap gerak geri pekerja khususnya yang beragama Islam dalam menjaga akhlak sesama mereka.

Di samping itu, MPKB berusaha untuk menanamkan kesedaran kepada semua pengusaha pasaraya tentang kejayaan sebenar sebuah perniagaan bukan hanya dinilai dari sudut keuntungan material sahaja, bahkan turut mengambil kira adab dan tata susila para pekerja mereka<sup>39</sup>.

Hubungan antara lelaki dengan perempuan mengikut Islam adalah diharuskan selagimana tidak melampaui batas. Bahkan dalam hal-hal tertentu, ia menjadi satu keperluan seperti tolong-menolong dalam menyebarkan risalah Islam<sup>40</sup>. Namun dalam keharusan itu ada batas-batasnya yang perlu diawasi supaya tidak terjerumus ke lembah maksiat seperti khawat dan penzinaan.

Ibn al-Qayyim berpendapat bahawa kesalahan berkhalwat antara lelaki dengan perempuan tanpa mahram bersamanya atau bermusafir untuk menunaikan haji tanpa mahram adalah haram berasaskan prinsip *Sadd al-Dhara'i* iaitu mengelakkan dari fitnah yang besar<sup>41</sup>.

Tindakan membiarkan para pekerja bebas memilih sendiri kaunter bayaran untuk bertugas, mungkin boleh memberi peluang kepada mereka membina hubungan secara negatif di antara pekerja lelaki dan perempuan seperti berpegang-pegangan tangan, menyentuh dan sebagainya. Tetapi, ini adalah sekadar andaian semata-mata. Perlu difikirkan secara mendalam adakah para pekerja tersebut benar-benar sempat melakukan perbuatan-perbuatan tadi, sedangkan mereka sibuk melayani para pelanggan.

Justeru itu, keputusan MPKB mengasingkan kaunter bayaran di pasaraya-pasaraya adalah tidak berasaskan pemakaian doktrin *Sadd al-Dhara'i* kerana kemungkinan timbulnya gejala negatif tidak dapat dipastikan secara jelas. *Doktrin Sadd al-Dhara'i* seperti yang diketahui tidak boleh dikaitkan selagi sesuatu keburukan itu tidak dapat dipastikan akan berlaku atau tidak.

daran  
benar  
aterial  
ekerja

Islam  
dalam  
holong  
tu ada  
embah

antara  
husafir  
prinsip

sendiri  
eluang  
ekerja  
tentuh  
. Perlu  
-benar  
a sibuk

aran di  
Sadd  
dapat  
ketahui  
astikan

Ini adalah disebabkan percampuran antara lelaki dengan perempuan ketika bermuamalah seperti urusan jual beli dibolehkan<sup>42</sup> atas alasan keperluan. Tetapi tidaklah bermakna Islam membenarkan wujudnya percampuran sedemikian rupa tanpa sebarang syarat.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Ketua Perlesenan MPKB<sup>43</sup> bahawa keputusan terhadap pengasingan kaunter ini hanya melibatkan antara sesama pekerja sahaja, maka ini menunjukkan keputusan tersebut adalah sekadar mendidik masyarakat khususnya para peniaga agar tidak bermudah-mudah dalam perkara harus.

### Kesimpulan

Berdasarkan pembentangan di atas, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa sebahagian daripada dasar dan peraturan yang telah digubal dan digunakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dari tahun 1990 sehingga 1998 tidak disandarkan kepada pemakaian doktrin *sadd al-dhara'i* sebagai asas utama. Ini kerana dasar atau langkah yang diambil tersebut adalah berdasarkan kepatuhan langsung kepada tuntutan syarak melalui nas-nas yang jelas. Dasar tersebut ialah:

1. Tidak menyambung lesen operasi premis kedai Toto dan 4 Nombor Ekor.
2. Menghadkan bilangan premis arak.
3. Penguatkuasaan penutupan aurat.
4. Pengasingan kaunter bayaran.

Manakala langkah-langkah yang telah diambil oleh MPKB dengan menggunakan doktrin *sadd al-dhara'i* adalah:

1. Pembekuan lesen kedai Unisex Salon.
2. Penamatkan lesen permainan video dan snooker.
3. Menangguh perniagaan di pasaraya ketika solat Jumaat.

<sup>1</sup> Sila

<sup>2</sup> Ibid

Perban

<sup>3</sup> Ten

Peniaga

<sup>4</sup> Ibid

<sup>5</sup> Firr

sesung

batang

hendak

<sup>6</sup> Har

Negara

<sup>7</sup> Pih

Adapun

Malaysi

<sup>8</sup> Mah

Kaherah

<sup>9</sup> Sur

<sup>10</sup> Lih

<sup>11</sup> Tem

<sup>12</sup> Ibid

<sup>13</sup> Mak

gunting

<sup>14</sup> Ibid

<sup>15</sup> Lan

menteri-

tempata

atau ses

kerana

sebaran

dikeluar

mendar

Berita H

Jadi, langkah-langkah pengurusan yang dilaksanakan oleh MPKB di dalam bandar Kota Bharu sebahagiannya adalah menepati doktrin *Sadd al-Dhazara'* iaitu tindakan pencegahan awal terhadap sesuatu perkara buruk dan maksiat yang mungkin akan berlaku. Manakala sebahagiannya lagi telah dilaksanakan dengan tidak berasaskan doktrin tersebut, tetapi ia merujuk secara langsung kepada nas atau keterangan jelas daripada al-Quran dan hadith sendiri yang mengharamkan perkara tersebut.

MPKB  
doktrin  
esuatu  
nakala  
doktrin  
rangan  
berkara

## NOTA HUJUNG

- 1 Sila lihat lebih lanjut dalam *Akta Kerajaan Tempatan 1976*, Perkara 102.
- 2 Ibid, di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Kota Bharu) 1989, Perkara 5 (2).
- 3 Temubual dengan Encik Juhari bin Mohd Noor, Ketua Jabatan Perlesenan dan Peniaga-Peniaga MPKB di pejabat beliau pada 3 Julai 2000 jam 2.30 petang.
- 4 Ibid.
- 5 Firman Allah (s.w.t) yang bermaksud : "Wahai orang yang beriman bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhkannya supaya kamu berjaya.", Surah al-Ma'idah: 90.
- 6 Harakah (15 Julai 1991), "Langkah Kerajaan Meningkatkan Perjudian Dalam Negara", oleh: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), h. 15.
- 7 Pihak MPKB hanya berhak mengeluarkan lesen operasi premis yang sah sahaja. Adapun lesen permainan judi itu sendiri dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, temubual dengan Encik Juhari bin Mohd Noor, op.cit.
- 8 Mahmud Hamid (1996), *Qa'idah Sadd al-Dhara'i' wa Atharuha fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah : Dar al-Hadith, hlm. 112-114.
- 9 Surah al-Ma'idah : 90
- 10 Lihat Penbahagian al-Dhari 'ah di dalam Bab Dua, hlm. 45-49.
- 11 Temubual dengan Encik Juhari Mohd Noor, op.cit.
- 12 Ibid
- 13 Maksiat dan perlanggaran syarat yang paling banyak berlaku ialah di kedai-kedai gunting wanita berbanding dengan lelaki, /bid.
- 14 Ibid
- 15 Langkah yang sama telah diambil oleh kerajaan pusat yang mana, mesyuarat menteri-menteri Kabinet pada 4 Oktober 2000 telah mengarahkan pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan undang-undang terhadap penghuni dan pemilik premis atau sesiapa sahaja yang masih meneruskan operasi video secara haram. Ini adalah kerana kerajaan telah memutuskan bahawa kerajaan tidak akan membenarkan sebarang pengeluaran lesen pusat permainan video, manakala permit yang sudah dikeluarkan akan ditarik balik dalam tempoh dua bulan akan datang. Kerajaan mendapati pusat ini sebagai salah satu punca gejala sosial remaja kini. Sila lihat dalam Berita Harian, hlm. 1, 5 Oktober 2000.

- <sup>16</sup> Yusuf al-Qardawi (1990), *Fatawa al-Mu 'asarah*, jilid 1, Kuwait : Dar al-Qalam, hlm. 688.
- <sup>17</sup> *Ibid*
- <sup>18</sup> Temubual dengan Encik Juhari bin Mohd Noor, *op. cit.*
- <sup>19</sup> Kenyataan ini dibuat oleh Presiden Gabungan pengguna Malaysia (FOMCA) sepetimana yang disiarkan oleh Berita Harian, hlm. 15, 10 Julai 1993.
- <sup>20</sup> Lihat dalam Bab Kedua, hlm. 46-47.
- <sup>21</sup> Lesen arak hanya boleh dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan dan Eksais Negeri Kelantan yang berpejabat di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (TSDUK) Bahagian Pentadbiran, temubual dengan Dato' Haji Ismail bin Latiff, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (TSUK Pentadbiran) pada 11 Julai 2000, di pejabat beliau, jam 2.30 petang.
- <sup>22</sup> Temubual dengan Encik Juhari bin Mohd Noor, *op.cit.*
- <sup>23</sup> *Ibid*
- <sup>24</sup> Nabi (s.a.w) bersabda, "Dilaknat ke atas arak, orang yang meminum, memberi minum, menjual, membeli, membawa, memeram air perahan anggur dan yang telah memakan harta dari hasil arak", sila lihat dalam Ahmad bin Hanbal (1993), *Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*, jilid 2, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 97.
- <sup>25</sup> Yusouf al-Qaradawi (1992), *Ghair al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami*, Kaherah : Maktabah Wahbah, hlm. 15.
- <sup>26</sup> Datuk Dr. Abdul Aziz Abdullah, seorang Pakar Perunding Kanan Jabatan Perubatan Jiwa Hospital Kuala Lumpur amat bersetuju agar langkah yang tegas perlu diambil untuk mengawal penjualan arak khususnya kepada belia. Lihat dalam Utusan Malaysia, hlm. 33, 29 November 1995.
- <sup>27</sup> *Harakah* (13 Mei 1991), "Ketagihan arak, reaksi kerajaan amat mengecewakan", oleh: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), h. 21.
- <sup>28</sup> Menurut ulamak usul, al-Masalih al-Mursalah ialah membuat sesuatu hukuman dan undang-undang yang baik dan berfaedah untuk kepentingan manusia dan masyarakat yang tidak ada sebarang nas untuk dijadikan bukti dan dasar sama ada ia boleh dilaksanakan, harus atau tidak boleh dilaksanakan, lihat huraihan lanjut dalam Wahbah al-Zuhaili (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*, jilid 2, Damsyiq : Dar al-Fikr, hlm. 752-760.
- <sup>29</sup> Temubual dengan Encik Juharin bin Mohd Noor, *op. cit.*

am, hlm.

OMCA)

Eksais

i (SUK)

TSDUK)

imbalan

2000, di

memberi

ng telah

Musnad

aherah :

Jabatan

gas perlu

n Utusan

ewakan",

hukuman

usia dan

ama ada

jut dalam

Fikr, hlm.

- 
- <sup>30</sup> Sila lihat lampiran (Syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi).
  - <sup>31</sup> Temubual dengan Encik Juhari bin Mohd Noor, *op. cit*.
  - <sup>32</sup> Lihat dengan lebih lanjut dalam Wahbah al-Zuhaili (1989), *al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuh*, jilid 1, Beirut : Dar al-Fikr, hlm. 583-597
  - <sup>33</sup> *Harakah* (25 November 1991), "Wanita diperalat dalam iklan (siri 1)" oleh: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), h. 5.
  - <sup>34</sup> Lihat dalam 'Ali 'Abd al-Halim (1991), *al-Mar'ah al-Muslimah*, Mansurah : Dar al-Wafa', hlm. 7-11
  - <sup>35</sup> Temubual dengan Encik Juhari bin Mohd Noor, *op. cit*
  - <sup>36</sup> Lihat keterangan lanjut dalam Ibn Taimiyyah (1994), *Mafhum 'Ubudiyyah fi al-Islam*, Kaherah : Dar al-Syihab, hlm 1-4
  - <sup>37</sup> Hadith riwayat Abu Dawud, lihat dalam Abu dawud (1994), *Sunan Abi Dawud*, jilid 4, Beirut : Dar al-Fikr, hlm. 93.
  - <sup>38</sup> Buletin MPKB 1, 1996, hlm. 11 dan surat rasmi yang telah dihantar kepada semua pengusaha pasaraya disekitar Kota Bharu oleh pihak MPKB.
  - <sup>39</sup> Temubual dengan Encik Juhari bin Mohd Noor, *op.cit*.
  - <sup>40</sup> Surah al-Taubah : 71
  - <sup>41</sup> Ibn al-Qayyim (1993), *op.cit*, hlm. 115.
  - <sup>42</sup> Sila lihat dalam Yusuf al-Qaradawi (1996), *Fatawa al-Mar'ah al-Muslimah*, Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 49-68.
  - <sup>43</sup> Temubual dengan Encik Juhari bin Mohd Noor, *op.cit*.